



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

MAKLUMAN PENUTUPAN SEMENTARA SELERA PUTRA, PUTRAJAYA

Putrajaya – Bermula pada **21 Ogos selama 4 hingga 6 minggu**, Selera Putra akan ditutup untuk membolehkan kerja-kerja pembaikan dan pengubahsuaian dilaksanakan agar dapat menawarkan perkhidmatan yang lebih selesa kepada pengunjung.

Kerja tersebut adalah sebahagian daripada kerja-kerja membaikpulih Dataran Putra yang telah bermula semenjak April 2009 selama 24 bulan. Sepanjang tempoh tersebut, tiada aktiviti dibenarkan di Dataran Putra kerana beberapa kawasan akan ditutup untuk kerja-kerja pembaikan yang dijangka siap sepenuhnya pada 12 April 2011.

Walau bagaimanapun, bazar jualan berkonsepkan bazar Timur Tengah iaitu Souq masih akan beroperasi seperti biasa mulai jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam.

Souq dan Selera Putra yang terletak di aras bawah Masjid Putra adalah produk pelancongan yang dirasmikan oleh Y.A. Bhg Tun Dr. Mahathir Mohamad sempena sambutan pengisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan pada tahun 2001.

Destinasi popular di kalangan pelancong, Souq menawarkan peluang membeli-belah dengan pelbagai kraftangan, cenderamata, kristal, batik

dan pakaian manakala Selera Putra menawarkan kepelbagaian juadah makanan.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi En. Azizuddin Salleh di talian 03-88877222.



(ZAHARAH SALAMAT)

Timbalan Pengarah Perhubungan Awam

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 25 Ogos 2009

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA
- Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013